

# Kajian tolak dakwaan pokok duit-duit penyumbang kanser

Baru-baru ini kita digemparkan dengan berita mengenai sejenis tumbuhan dikenali sebagai pokok duit-duit yang dikaitkan dengan penyakit leukemia dan seterusnya menyebabkan kematian dua pelajar sarjana di sebuah universiti awam.

Ketua Kluster Pertanian dan Makanan, Majlis Profesor Negara, Prof Dr Ghizan Saleh, menafikan kaitan tumbuhan ini dengan penyebab kematian pelajar berkenaan (*BH*, 19 Disember 2015).

Namun adakah benar dakwaan ini dan sejauh manakah tumbuhan ini mampu menyumbang kepada penyakit kanser seperti leukemia? Untuk menjawab persoalan ini, kita perlu memahami secara mendalam mengenai tumbuhan ini dan faktor penyebab kanser.

Pokok duit-duit secara saintifiknya dikenali sebagai *Zamioculcas zamiifolia* atau ringkasnya, pokok ZZ. Ia dijadikan tumbuhan

ornamental dan hiasan kerana keunikannya bentuk serta mudah dijaga. Selain itu, pokok ini mempunyai ketahanan tinggi terhadap kekurangan air dan cahaya menjadikannya sesuai sebagai tumbuhan hiasan dalaman.

## Pembiakan unik

Tumbuhan ini berasal dari Afrika dan dieksport ke sebahagian besar dunia termasuk Malaysia.

Menariknya, tumbuhan ini dikatakan berada di bumi sejak 42 juta tahun lalu, begitu lama sehingga saintis menggelarkannya fosil hidup. Ia membiak dengan cara unik iaitu melalui pembiakan vegetatif menggunakan daun.

Pokok ini dikatakan membawa tuah atau 'ong' dalam kalangan masyarakat Cina. Walaupun dikaitkan dengan unsur negatif, tidak dapat dinafikan tumbuhan ini juga ada kebaikan tersendiri, dikaitkan dengan penyerapan gas kimia seperti benzena, toluena

dan xilena daripada udara dalam bilik.

## Kurangkan pencemaran udara

Ini sekali gus membantu mengurangkan pencemaran udara di dalam rumah tertutup. Selain itu, di Afrika, beberapa bahagian tumbuhan ini diproses dan digunakan sebagai ubat tradisional untuk merawat sakit telinga, keradangan dan ulser.

Pokok duit-duit dikaitkan dengan beberapa insiden keracunan di Sweden (Swedish Poison Information Centre) (PIC). Namun ini berlaku disebabkan pesakit itu makan sebahagian tumbuhan ini. Bukan hanya pokok duit-duit, tumbuhan hiasan lain seperti pokok bunga Peace Lily (*Spathiphyllum wallisii*) dan pokok keladi hiasan (*Dieffenbachia*) turut dikaitkan dengan kes sama.

Antara simptom keracunan sering dilaporkan ialah keradangan, muntah-muntah dan cirit-

birit. Bagaimanapun, tumbuhan ini masih diklasifikasikan mempunyai tahap keracunan rendah. Kebanyakan rawatan boleh dilakukan seawal di rumah dengan mengalirkan air secukupnya ke tempat yang terjejas dan meminum air secukupnya.


Leukemia adalah kanser darah yang menyebabkan penghasilan darah putih berlebihan. Walaupun sel darah putih amat penting bagi melawan penyakit, penghasilannya yang tidak terkawal boleh menyebabkan kekurangan sel darah merah yang penting untuk pengangkutan oksigen ke sel tisu manusia.

Ini menyebabkan kesan buruk dalam jangka masa panjang dan boleh mengakibatkan maut. Antara faktor menyebabkan leukemia ialah terdedah kepada radiasi dan bahan kimia berbahaya secara berpanjangan serta faktor genetik. Hanya apabila kita terdedah kepada bahan penyebab

kanser secara berpanjangan seperti radiasi sinar X, sel kita tidak lagi mampu memperbaiki setiap kesilapan seterusnya mengakibatkan kanser.

Dalam konteks pokok duit-duit, masih tiada kajian mengaitkan tumbuhan ini dengan mana-mana kanser termasuk leukemia. Andai dilihat dari segi kompaun organik yang dihasilkannya, tiada sebatian kimia yang boleh menyebabkan kanser dijumpai.

Hanya beberapa kompaun yang dikategorikan sebagai bahan karsinogenik yang biasa terdapat di mana-mana tumbuhan diekstrak daripada tumbuhan ini. Selain itu, kajian terbaharu mengemukakan hidupan laut mengesahkan bahawa tumbuhan ini tidak boleh jejasakan kemandirian hidupan ini sekali gus menolak sebarang sambung kait pokok duit-duit dengan penyakit serius seperti kanser.

 **Wan Mohd Aizat Wan Kamaruddin dan Syarul Nataqain Baharum,**  
Pensyarah Kanan Institut Biologi Sistem, UKM.